



**PBA**

Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs



6.6.2024

Siaran Media

**IR. PATHMANATHAN K.**  
CEO, PBAHB dan PBAPP.

### **TIADA CAJ UNTUK 10m<sup>3</sup> PERTAMA DALAM BIL AIR DOMESTIK DWIBULANAN DI PULAU PINANG SEHINGGA 31.12.2024**

- 597,000 pengguna air domestik Pulau Pinang akan menikmati penjimatan sebanyak RM6.20 setiap bil air x 3 bil air dwibulanan.**

PULAU PINANG, Khamis, 6.6.2024: PBAPP tidak akan mengebil pengguna domestik Pulau Pinang untuk 10m<sup>3</sup> (10,000L) pertama dalam setiap bil air domestik dwibulanan dari 1.7.2024 hingga 31.12.2024, seperti arahan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Bil air domestik di Pulau Pinang dibilkan secara dwibulanan.

10m<sup>3</sup> air pertama yang digunakan oleh pengguna domestik tidak akan dicaj dalam bil yang dikeluarkan dalam tempoh dari 1.7.2024 hingga 31.12.2024.

Pengguna air domestik Pulau Pinang yang menggunakan lebih daripada 10m<sup>3</sup> dalam tempoh 2 bulan akan jimat RM6.20 setiap bil x 3 bil dwibulanan. Jumlah penjimatan bagi setiap pengguna air domestik ialah RM18.60 dalam tempoh 6 bulan yang ditetapkan.

Sehingga Mei 2024, terdapat kira-kira 597,000 pengguna air domestik berdaftar di Pulau Pinang. Jangkaan impak ke atas hasil PBAPP dalam tempoh dari 1.7.2024 – 31.12.2024 ialah kira-kira RM11 juta.

Sila rujuk senario berikut untuk pengiraan tarif:

<b>Senario 1</b>	<b>Kadar</b>	<b>RM</b>
Jumlah penggunaan: 21m <sup>3</sup> (2 bulan-1 kitaran)		
10.5m <sup>3</sup>	0.62	6.51
<b>Jumlah bil (Dwibulanan) (RM 6.51 x 2 bulan)</b>		<b>13.02</b>
Rebat 10m <sup>3</sup>	0.62	(6.20)
<b>Jumlah bil air</b>		<b>6.82</b>



**PBA**

Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs



<b>Senario 2</b>	<b>Kadar</b>	<b>RM</b>
Jumlah Penggunaan: 50m <sup>3</sup> (2 bulan-1 kitaran)		
20m <sup>3</sup>	0.62	12.40
5m <sup>3</sup>	1.17	5.85
		18.25
<b>Jumlah bil (Dwibulanan) (RM18.25 x 2 bulan)</b>		<b>36.50</b>
Rebat 10m <sup>3</sup>	0.62	(6.20)
<b>Jumlah bil air</b>		<b>30.30</b>

Langkah sementara “Tiada caj untuk 10m<sup>3</sup>” ini hanya terpakai untuk penggunaan air domestik di Pulau Pinang dalam tempoh yang ditetapkan. Ia tidak terpakai untuk empat (4) kategori penggunaan air berikut:

- Bukan domestik;
- Meter pukal domestik;
- Perkapalan; dan
- Rumah ibadat dan institusi kebajikan.

#### MEMPERLUASKAN LIPUTAN SKIM REBAT “MESRA KELUARGA”.

PBAPP juga akan memperluaskan liputan skim rebat “Mesra Keluarga” untuk isi rumah besar (8 orang atau lebih) seperti berikut:

Sebelum 1.7.2024	Dari 1.7.2024
Rebat RM20 daripada bil air domestik untuk isi rumah besar yang layak dengan pendapatan isi rumah maksimum RM2,250 sebulan.	<b>Rebat RM20 daripada bil air domestik untuk isi rumah besar yang layak dengan pendapatan isi rumah maksimum RM5,580 sebulan.</b>

Kriteria untuk permohonan:

1. Isi Rumah ramai dengan 8 orang atau lebih tinggal di rumah yang sama (semua mempunyai alamat yang sama dalam Kad Pengenalan (KP)).
2. Pendapatan isi rumah B40 RM5,580 dan ke bawah (Pendapatan Isi Rumah bagi kategori miskin tegar mengikut Laporan Tinjauan Pendapatan Isi Rumah Pulau Pinang 2022).
3. Dokumen seperti KP, bil PBAPP, bil TNB dan slip pendapatan/gaji untuk disahkan oleh MPKK, Penghulu atau Pejabat Daerah.

Borang permohonan boleh didapati di laman web PBAPP dan di semua kaunter perkhidmatan pelanggan PBAPP.



**PBA**

Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
*Meeting all your water supply needs*



Pengguna air domestik yang ingin mendapatkan penjelasan diminta untuk menghubungi Pusat Panggilan 24 Jam PBAPP (no. tel 04 255 8 255).

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)